

INFOKUS UMT

DISEMBER 2015 | Bil. 53
www.umt.edu.my



Sultan Ibrahim
Lancar Buku Seahorses
Sultan Mizan
Rasmi Pusat Islam
Sultan Mahmud UMT



Majlis Konvokesyen
UMT Ke-13 Meriah
Keropok Lekor Terengganu
Tembusi pasaran Global
Infokus UMT
Menang Lagi!


ISSN 1675-2139



9 771675 213002



**TERKINI
DI PASARAN**



Seahorses

HERITAGE FROM PRISTINE JOHOR STRAITS

Mohd Effendy Abd Wahid
Thirukanthan Chandra

RM123

Seahorses

HERITAGE FROM PRISTINE JOHOR STRAITS

Pengarang : Mohd Effendy Abd Wahid
Thirukanthan Chandra
Tahun Terbit : 2015
Terbitan : Penerbit UMT
Harga : RM123.00

Kuda laut merupakan hidupan laut yang menakjubkan – berkepala seperti kuda, mata yang bergerak bebas dan warna yang berubah-ubah seperti sesumpah. Ekornya seperti monyet, memiliki kantung seperti kanggaru, berperisai seperti naga dan sayapnya seakan-akan burung kelicap. Hakikatnya, ia hanyalah seekor ikan.

Sidang Redaksi

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

Penasihat

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid

Ketua Pengarang

Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor

Editor

Rabil Sitta Abdul Rahman
Mohd Izham Mohd A. Wahid

Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Pembaca Prof

Nor Hafizah Arifin

Jurufoto

Mokhtar Ishak
Muhamad Adli Hashim
Krew Media Kreatif



Kandungan

- 6** Mengenali
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Malaysia Terengganu
YBhg. Profesor Dr. Mohd Lokman Husain
- 10** Sultan Johor Lancar Buku
Seahorses Heritage from Pristine Johor Straits
- 14** Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu
kali Ke-13
- 18** KDYMM Sultan Mizan
Mencemar Duli Rasmi Pusat Islam Sultan Mahmud UMT
- 20** Bicara Tokoh Bersama
YAB Dato' Seri Ahmad Razif
- 24** Keropak Lekor Terengganu Usaha UMT menembusi
pasaran global
- 26** Pemerkaasaan dan Pencarian Bakat Akademik
Cemerlang di United Kingdom
- 28** Kajian Profil Asas Polisi, Pengurusan dan Komuniti
Orang Asli Taman Negara Terengganu dan
Endau-Rompin
- 32** Hari Terbuka Sains Teknologi Kejuruteraan
dan Matematik (STEM) UMT 2015
- 33** Panglima TLDM Rasmi Full Mission
Ship-Handling Simulator
- 34** UMT anjur Seminar dan Bengkel
Pemuliharaan Penyu di Malaysia
- 36** AMIC Pilih UMT
MoU Penyelidikan Rumpai Laut
- 37** UMT dan UTP Kaji Ubah Suai Pelantar Minyak
Jadikan Makmal Pembelajaran
- 38** Majalah INFOKUS UMT Menang Kali Ke-4
Hadiah Suar Bahasa
- 39** Renungan



Secangkir Kata

*Gurindam hidup bergema takdir
Gemuruh tangis sulaman jiwa
Suram redup menyapa bibir
Bersuluh hadis damai nan jiwa*

Assalamualaikum, Salam 1Malaysia dan Salam Perpaduan. Syukur Alhamdulillah kerana kita masih diizinkan-Nya untuk bertemu dalam INFOKUS UMT edisi DISEMBER 2015. Terima kasih kepada seluruh warga pembaca setia dan rakyat Malaysia kerana masih setia bersama kami.

Bertapa dengan ilmu sepanjang pengajian di menara gading pasti mampu merealisasikan impian hati anak bangsa untuk menggapai tonggak jaya. Sidang redaksi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan UMT yang berjaya meniti kemuncak usaha dengan menggenggam segulung ijazah yang pastinya menyemarak kegembiraan kaum keluarga tersayang. Jadilah anak bangsa yang menjadi kebanggaan agama, bangsa dan negara dan sumbanglah baktimu untuk dunia dan akhirat.

Usaha UMT berkolaborasi dengan pihak yang berkongsi tujahan kecemerlangan ilmu jelas dimanfaatkan melalui bidang penyelidikan dan penerbitan yang dipaparkan dalam edisi kali ini. Penyelidikan dan pelancaran buku *Seahorses Heritage from Pristine Johor Straits* dan *Keropok Lekor Terengganu* (edisi Bahasa Inggeris) menjadi pemangkin pengantarabangsaan penerbitan. Pelantikan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa yang baharu sudah pasti memberi suluhan sinar kecemerlangan dalam usaha mempertingkatkan lagi prestasi pendidikan, penyelidikan dan penerbitan di UMT. Semoga usaha mulia kita semua disulami dengan keikhlasan bekerja kepada Yang Maha Esa membuah hasil yang penuh dengan kenikmatan. Insyaa-Allah.

PROFESOR MADYA DR. NORAIEN MANSOR

Sekapur Sirih

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1 UMT dan Salam Sehati Sejiwa.

Alhamdulillah, selesai sudah Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ke-13 yang berlangsung pada 24 hingga 26 Oktober lalu. Cukup cepat masa beredar dan UMT telah melahirkan seramai 20,960 graduan semenjak tahun 2003-2015 bagi keperluan modal insan negara. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua 2,473 orang graduan yang telah bergraduasi pada konvokesyen ke-13 ini dan seramai 239 orang bergraduasi dengan Cemerlang. Saya dan semua warga UMT mendoakan semoga semua graduan UMT akan memperoleh kejayaan dalam kehidupan masing-masing.

Saya amat bersyukur kehadiran Ilahi dengan kesudian KDYMM Tuanku Sultan Terengganu dan Tuanku Canselor memperkenan mencemar Duli ke Majlis Santapan Malam bersempena Majlis Konvokesyen UMT ke-13 pada baru ini dan seterusnya melancarkan buku *Visions of Kenyir Through the Eyes of a Drone*. Buku ini merupakan hasil penyelidikan UMT bagi mempromosikan keindahan dan kelestarian alam sekitar Tasik Kenyir khasnya dan warisan negeri Terengganu amnya.

Hubungan rapat antara kerajaan negeri Terengganu dan UMT diserlahkan dalam PESONA Terengganu 2015 di mana kekuatan bidang tujahan sains kelautan dan sumber akuatik UMT dipromosikan dalam dua tapak pameran yang telah berlangsung di Dataran Merdeka pada 29 Oktober hingga 2 November yang lepas.

UMT juga amat bertuah atas kesudian KDYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, melancarkan buku *Seahorses Heritage from Pristine Johor Straits* serta pelepasan kuda laut. Sesungguhnya penerimaan UMT di bumi negeri Johor Darul Ta'zim merupakan satu pengiktirafan kepada bidang penyelidikan UMT. Projek penyelidikan berbentuk Public Private Partnership (PPP) ini adalah hasil kerjasama UMT dengan Johor Biotech Corporation dan juga Forest City.

Seminar Penyelidikan Antarabangsa Selat Melaka dan Laut China Selatan anjuran INOS pada 1 November telah melonjakkan nama UMT di persada antarabangsa dalam bidang sains kelautan. Seminar ini melibatkan para penyelidik dari dalam dan luar negara berkongsi platform membincangkan dan



membentangkan pelbagai isu mengenai Pelayaran Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Program CEO@Faculty Public Lecture (CLP) yang telah diadakan pada 29 Oktober 2015 bertempat di Dewan Sultan Mizan merupakan satu inisiatif melibatkan kerjasama industri terus kepada universiti secara am dan pusat pengajian khususnya. Program ini menggalakkan aktiviti pemindahan ilmu dari industri kepada universiti serta pengembangan kolaborasi penyelidikan dalam mengenalpasti "best practice" dan "solution" melalui kerjasama yang erat antara industri dan universiti. Program ini juga adalah satu usaha meningkatkan visibiliti UMT kepada industri sekaligus membuka peluang kerjasama strategik yang lebih luas dengan industri. UMT merasa amat bertuah kerana YBhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff, Pengerusi Eksekutif Nusantara Technologies Sdn. Bhd sudi menyampaikan ceramah beliau yang bertajuk "Entrepreneurship In Asean".

Akhir kata dari saya, *tiada kata secantik bahasa* yang mampu saya ucapkan selain ucapan terima kasih tak terhingga dan sekalung tahniah atas usaha jitu dan semangat kerjasama yang anda semua tunjukkan dalam usaha memastikan kecemerlangan UMT yang kita semua sayangi ini lebih terserlah. Hanya Allah Aza Wajalla yang dapat membalas jasa anda semua.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR
Naib Canselor UMT

Mengenali

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

Universiti Malaysia Terengganu

YBhg. Profesor Dr. Mohd Lokman Husain



oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor | Pengarah, Penerbit UMT

Menggalas jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) memerlukan komitmen yang tinggi dan tanggungjawab yang besar demi kelangsungan kecemerlangan pendidikan anak bangsa dan negara. YBhg. Profesor Dr. Mohd Lokman Husain yang dilahirkan pada 30 Julai 1957 di Kuala Terengganu, Terengganu menerima amanah yang diberi dengan penuh kebertanggungjawaban dan penuh dedikasi untuk kegemilangan UMT. Beliau amat bersyukur ke hadrat Ilahi dan berterima kasih kepada Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh dan Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Noraieni Haji Mokhtar yang telah memberi kepercayaan kepada beliau untuk menerajui bidang akademik dan pengantarabangsaan di UMT.



Graduan Diploma Perikanan dan Sains Marin dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada tahun 1979 telah menyambung pengajian di peringkat Ijazah di Mississippi State University pada tahun 1981 dalam bidang Fishery Management. Pada tahun 1983 beliau meneruskan kecintaan dalam bidang Coastal Zone Management di Florida Institute of Technology, USA di peringkat Sarjana dan seterusnya PhD dalam bidang Coastal Geomorphology dari University of Hull, England pada tahun 1991.

Tahun 1984 telah membuka ruang kepada YBhg. Profesor Dr. Mohd Lokman Husain mula berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) yang kini dikenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Seterusnya pada tahun 2001 beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi Pengarah Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) yang baru ditubuhkan pada ketika itu. Pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai Dekan Hal

“Kepakaran beliau juga diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila dilantik sebagai koordinator bagi The Bay of Bengal Large Marine Ecosystem dalam kalangan negara-negara ASEAN. “

Ehwal Penyelidikan dan Inovasi dan memegang jawatan tersebut hingga 2009. Pada tahun 2010 beliau sekali lagi, dilantik sebagai Pengarah INOS dan menerajui kepimpinan INOS sebagai Institut Kecemerlangan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi (HiCOE) pada tahun 2012. Pada tahun 2015, beliau telah dilantik sebagai Dekan, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran sehingga dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mulai 16 September 2015.

YBhg. Profesor Dr. Mohd Lokman Husain amat dikenali dalam bidang tujahan beliau di peringkat nasional dan global. Beliau telah terlibat dalam pelbagai jawatankuasa sama ada di peringkat universiti,

kebangsaan mahupun antarabangsa. Beliau merupakan wakil Malaysia yang dilantik oleh MOSTI dalam menganggotai Indian Ocean Global Ocean Observing System (IOGOOS/ IGOOS). Kepakaran beliau juga diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila dilantik sebagai koordinator bagi The Bay of Bengal Large Marine Ecosystem dalam kalangan Negara-negara ASEAN. Pada tahun 2014, beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Kepimpinan Akademik dan Anugerah Pemindahan Ilmu Universiti Malaysia Terengganu sebagai menghargai ketokohan, kepakaran dan sumbangan beliau kepada bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Akhir kalam, seluruh warga Universiti Malaysia Terengganu mengucapkan tahniah dan syabas dan mengalu-alukan pelantikan YBhg. YBhg. Profesor Dr. Mohd Lokman Husain sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang baharu. Semoga UMT akan terus bersinar di bawah teraju YBhg. Profesor Dr. Mohd Lokman Husain, Insya-Allah.




Sultan Johor

Lancar Buku

Seahorses Heritage from Pristine Johor Straits

Dipetik daripada Bernama dan Utusan Malaysia 5 November 2015.





Seluruh warga Universiti Malaysia Terengganu, menjunjung kasih atas kesudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah berkenan mencemar Duli melancarkan buku terbitan Penerbit UMT berjudul; *Seahorses Heritage from Pristine Johor Straits* yang ditulis oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Profesor Dr. Mohd Effendy Abd Wahid dan Pegawai Sains UMT, En. Thirukanthan Chandra di Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan, Gelang Patah, Johor pada 4 November 2015.

Baginda diiringi oleh Menteri Besar Johor, YAB Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Datuk Ismail Karim, Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif J-Biotech, Wan Amir Jeffrey Wan Abd. Majid dan Pengarah Forest City Country Garden Pacific View, YBhg. Datuk Md. Othman Yusof.

Buku ini adalah dokumentasi kepada hasil penyelidikan kuda laut di Sungai Pulai, Gelang Patah, Johor yang digerakkan dengan kerjasama Institut Bioteknologi Marin UMT bersama Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) serta pemaju utama projek pembangunan Forest City, Country Garden Pacificview Sdn Bhd (CGPV).

Buku mewah ini dipaparkan dengan ilustrasi menarik mengenai habitat semula jadi kuda laut yang mengupas secara terperinci tentang tiga spesies kuda laut yang dikaji di Sungai Pulai iaitu *Hippocampus Kuda*, *Hippocampus Trimaculatus* dan *Hippocampus Spinossismus*.

Baginda juga telah berkenan melepaskan 200 ekor kuda laut di tapak RAMSAR Sungai Pulai yang dikenalpasti sebagai tempat sesuai untuk santuari kuda laut. Kesemua kuda laut ini adalah generasi pertama yang dibiakkan oleh penyelidik UMT



Sultan Ibrahim meletakkan replika kuda laut sebagai menyempurnakan gimik pelancaran buku Seahorses Heritage from Pristine Johor Straits.

dalam hatcheri yang mengambil masa selama lapan bulan.

Pelepasan kuda laut ini juga mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Record (MBOR) sekali gus kawasan ini diiktiraf sebagai Santuari Kuda Laut Pertama di Malaysia.

UMT bersama J-Biotech kini giat berusaha mewujudkan Santuari dan Hatcheri Kuda Laut Johor di tapak RAMSAR Sungai Pulai serta Bio-Conservation Marine Centre di Kepulauan Taman Laut Sultan Iskandar. Santuari ini akan berfungsi sebagai pusat penyelidikan konservasi dan pembangunan hidupan marin serta menjadi platform kepada *marine edu-tourism* dan menjadikan Johor sebagai destinasi biodiversiti dunia bagi penyelidikan marin serta kawasan RAMSAR utama negara.



Sultan Ibrahim melepaskan 200 ekor kuda laut di tapak Santuari Kuda Laut Johor.



Pelepasan kuda laut ini juga mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Record (MBOR).





Majlis Konvokesyen

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Kali Ke-13

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman | Penerbit UMT



Majlis Konvokesyen Kali Ke-13 Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berlangsung pada 24 hingga 26 Oktober 2015. Majlis konvokesyen kali ini telah berlangsung dengan penuh gemilang di Dewan Sultan Mizan. Kebawah Duli Yang Maha Sultanah Nur Zahirah, Tuanku Canselor UMT telah sudi mencemar Duli menyempurnakan Majlis Konvokesyen Kali Ke-13 UMT. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah

Shah turut sudi mencemar Duli bersama-sama memeriahkan Majlis Konvokesyen Kali Ke-13 UMT. Turut hadir mencemar Duli ialah Duli Yang Teramat Mulia Yang DiPertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail ibni Sultan Mizan Zainal Abidin berserta kekanda dan adinda-adindanya. Kehadiran kerabat diraja Terengganu ini, menambahkan lagi kemeriahan sambutan majlis konvokesyen UMT.

Kebawah Duli Yang Maha Sultanah Nur Zahirah, Tuanku Canselor UMT telah berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat

Doktor Pengurusan kepada YBhg. Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar. Pemilihan beliau selaras dengan sumbangan besarnya dalam bidang pengurusan maritim negara, khususnya dalam menjalankan tugas beliau sebagai Panglima Tentera Laut DiRaja Malaysia. Baginda juga telah berkenan menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Profesor Dr. Yutaka Michida, Timbalan Pengarah, Institut Penyelidikan Atmosfera dan Laut (AORI), University of Tokyo. Pengiktirafan diberikan atas sumbangan besar kepimpinan beliau



Perarakan Besar masuk ke dewan dari kiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharuddin Idrus, diikuti oleh penerima Ijazah Kehormat Prof. Dr. Yutaka Michida, Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan penerima Ijazah Kehormat YBhg. Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar.



dalam pelbagai jalinan kerjasama sains marlin peringkat antarabangsa.

Baginda Tuanku Canselor UMT juga telah berkenan menyampaikan Anugerah Pelajaran DiRaja kepada Mohd Asyraf Mohd Asli graduan Sarjana Muda Sains Agroteknologi dan Tan Celina, graduan Sarjana Muda Sains (Sains Biologi), Anugerah Pingat Emas Canselor kepada Nor Ain Fatimah Mohamad Zaki, graduan Sarjana Muda Kaunseling, Anugerah Pro-Canselor kepada Dr. Nik Aziz bin Nik Ali, Doktor Falsafah (Penyelidikan)- Fizik dan Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah kepada Muhamad Amirullah Ramli, graduan Sarjana Sains (Penyelidikan)-Fizik dan Nurul Shafikah Mohd Mustafa, graduan Sarjana Sains (Penyelidikan)-Fizik.

Turut hadir di majlis konvokesyen tersebut ialah, YAB Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abd. Rahman dan isteri, Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, YB Haji Zubir Embong dan isteri, Yang Amat Mulia Tengku Sri Paduka Raja, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharudin Idrus, Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato'



Syabas dan Tahniah- Barisan graduan yang menerima anugerah-anugerah utama UMT.



*Menjunjung Kasih Tuanku- Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Nur Zahirah berkenan melancarkan buku *Visions of Kenyir through the Eyes of a Drone*.*

Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib-naib Canselor, Rektor dan wakil Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia, Pegawai-pegawai Utama UMT, dif-dif jemputan dan juga ibu bapa para graduan.

Majlis konvokesyen Sesi Kedua (petang 24 Oktober 2015) hingga Sesi Keempat (petang 25 Oktober 2013) telah disempurnakan oleh Pro-Canselor UMT, YBhg. Tan Sri Samsudin Osman. Beliau telah menyampaikan Anugerah Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili yang merupakan profesor di Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT.

Majlis konvokesyen kali ini menyaksikan 2,473 orang graduan daripada enam buah fakulti yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing iaitu 29 orang menerima Ijazah Doktor Falsafah dan 138 orang menerima Ijazah Sarjana.

Manakala 105 orang menerima Sijil Diploma dan 2,201 menerima Ijazah Sarjana Muda yang diraikan dalam majlis yang penuh gemilang. Penganugerahan ijazah serta diploma ini membuktikan keupayaan UMT dalam melaksanakan tanggungjawab pendidikan yang telah diamanahkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para graduan, ibu bapa dan warga universiti.

Majlis Santapan Malam

Pada malam 23 Oktober 2015, telah berlangsung Majlis Santapan Malam sempena Konvokesyen UMT di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam. Majlis diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Sultanah Nur Zahirah, Tuanku Canselor UMT bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-

Muktafi Billah Shah. Turut hadir ialah YAB Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abd. Rahman dan isteri, Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, YB Haji Zubir Embong dan isteri, Pro-Canselor UMT, YBhg. Tan Sri Samsudin Osman dan isteri serta tetamu kehormat yang lain.

Pada majlis santapan tersebut, Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar telah mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Sultanah Nur Zahirah, Tuanku Canselor UMT untuk melancarkan buku mewah terbitan Penerbit UMT. Buku yang dilancarkan berjudul *Visions of Kenyir through the Eyes of a Drone* hasil karya Pengarah Institut Penyelidikan Kenyir UMT, Profesor Emeritus Dr. Faizah Mohd Sharoum.

Buku *Visions of Kenyir through the Eyes of a Drone* adalah dokumentasi khas mengenai keindahan alam semula jadi



*Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah berkenan menerima cenderamata buku *Visions of Kenyir through the Eyes of a Drone* daripada Pengerusi Lembaga Pengarah UMT sambil disaksikan oleh YAB Menteri Besar Terengganu dan Pro-Canselor UMT.*

Tasik Kenyir yang menjadi tarikan pelancong ke negeri Terengganu. Keindahan Tasik Kenyir telah dirakam menggunakan kanta telefoto multiotor atau dron.


Teknologi moden, dron berjaya merakam semua celah

dan ceruk Tasik Kenyir iaitu tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara melalui udara. Kepelbagaian biodiversiti, keindahan tasik yang terpelihara, air terjun yang mencurah, puncak bukit batu kapur dan gunung-ganang telah berjaya

dirakam dan didokumentasikan dalam buku ini. Buku ini membawa pembacanya menyingkap dan mengupas daya tarikan yang terdapat di Tasik Kenyir. Tasik Kenyir menjadi syurga bagi pecinta alam semula jadi.

KDYMM SULTAN MIZAN *Mencemar Duli*

Rasmi
**Pusat Islam
Sultan Mahmud
UMT**





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin, bersama (kanan) Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Ahmad Razif Abd Rahman dan Pro-Canselor UMT, YBhg. Tan Sri Samsudin Osman.

Seluruh warga Universiti Malaysia Terengganu menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah berangkat mencemar Duli merasmikan Pusat Islam UMT yang diberi nama Pusat Islam Sultan Mahmud UMT pada 2 Oktober 2015. Turut hadir ialah Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Ahmad Razif Abd Rahman, Pro-Canselor UMT, YBhg Tan Sri Samsudin Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharuddin Idrus dan Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar.

Baginda dalam titah ucapannya menyeru supaya institusi masjid di negeri ini berganding bahu bersama institusi pendidikan terutama UMT dalam membangunkan satu modul keluarga Islam bersepadu bagi menangani masalah keluarga dan sosial dalam masyarakat Islam. Baginda yakin, kerjasama yang baik ini mampu menyumbang kepada pengukuhan institusi kekeluargaan



sekali gus membantu mengurangkan permasalahan sosial.

Titah baginda lagi, inisiatif ini akan meningkatkan aktiviti mengimarahkan masjid kepada komuniti setempat menerusi peranan sebagai pusat ilmu, kegiatan masyarakat, penganjuran seminar dan bengkel.

Baginda turut mengucapkan syabas kepada pihak pengurusan UMT dan berharap Pusat Islam Sultan Mahmud UMT dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat

demi mewujudkan kesejahteraan serta perpaduan ummah.

Baginda menunaikan solat Jumaat bersama kariah dan komuniti sekitar kampus UMT. Pusat Islam Sultan Mahmud menjadi mercu tanda terbaharu UMT. Pusat Islam Sultan Mahmud ini boleh memuatkan 2,500 jemaah pada satu masa dan turut menyediakan pelbagai kemudahan seperti lapan unit ruang perniagaan, ruang serbaguna, dua unit kelas tadika, bilik persediaan jamuan serta bilik pengurusan jenazah.

Bicara Tokoh

Bersama YAB Dato' Seri Ahmad Razif

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman | Penerbit UMT

“Apabila saya dilantik menjadi Menteri Besar yang baharu, tanggungjawab yang diberikan kepada saya 100% telah bertukar... dahulunya saya merupakan seorang Exco di barisan kepimpinan negeri Terengganu, kini saya menjadi nakhoda untuk menentukan arah mana yang perlu kita tuju untuk kejayaan dan kemakmuran negeri Terengganu. Tugas saya bukan hanya terhenti di situ sahaja... saya juga telah diberikan satu lagi tanggungjawab yang berat dan penting iaitu menjadi Menteri Mentor kepada salah satu IPTA yang tersohor di Terengganu iaitu Universiti Malaysai Terengganu..... lantikan ini memberi maksud saya perlu bersama-sama melihat, membantu menjayakan pelan pembangunan mahasiswa UMT, ke mana hala tuju yang ingin dibawa mahasiswa/I UMT... serta menjaga kebajikan mahasiswa/I UMT... ke mana mereka ini selepas anda semua tamat Pengajian nanti... insya-Allah...”-petikan ucapan Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Ahmad Razif Abd Rahman.



Mahasiswa/I UMT berbaris mengalu-alukan kehadiran YAB Dato' Seri Ahmad Razif.



Beliau berkata demikian di hadapan mahasiswa dan mahasiswi baharu UMT yang baru mendaftar masuk ke kampus UMT.

Beliau telah dijemput bagi memenuhi program Bicara Tokoh di kampus UMT pada 3 September baru-baru ini. Beliau telah menyampaikan ceramah berjudul; "Mahasiswa Aset Negara" di hadapan 2348 orang mahasiswa dan mahasiswi baharu UMT sempena Minggu Jalanan Mesra Pelajar UMT Sesi 2015/2016.

Beliau turut berkongsi pengalaman menuntut ilmu bersama mahasiswa/i UMT dalam ucapannya. Beliau menjelaskan bahawa, sebelum bergelar pemimpin, beliau merupakan seorang guru dan juga pensyarah. Menyedari kepentingan ilmu beliau telah melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Kaunseling. Beliau bercita-cita untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah tetapi terpaksa menangguk niat murninya itu selepas dilantik sebagai Wakil Rakyat. Beliau berharap dapat diberikan peluang untuk mencapai cita-cita tersebut.

YAB Dato' Seri Ahmad Razif mahukan mahasiswa/i UMT mencontohi jejak beliau dalam menuntut ilmu. Semangat mengejar ilmu ini perlu ada dalam kalangan pelajar. "Kita jangan berpuas hati

dengan apa yang kita ada sekarang dalam mengejar ilmu pengetahuan, tiada noktahnya," ujar beliau.

Beliau mengingatkan kepada hadirin mengenai sabda Rasulullah SAW berkenaan ilmu iaitu; "Tuntutlah ilmu hingga ke negara China.." Kata beliau lagi, pada zaman Rasulullah SAW, perjalanan dari Mesir, Arab ke negara China memakan masa berbulan-bulan dan merentasi pelbagai buah negara, pelbagai ilmu yang akan diperolehi sebelum sampai ke negara China.

Kata beliau, UMT merupakan satu-satunya IPTA yang betul-betul kampusnya di pinggir pantai. Oleh yang demikian, amatlah bersesuaian penumpuan jurusan penumpuan yang ditawarkan oleh UMT lebih kepada marin dan hidupan akuatik. UMT mempunyai ramai pakar dalam bidang sains marin serta hidupan akuatik. Beliau melihat UMT begitu istimewa dengan adanya Program Orentasi Laut yang kini dikenali sebagai Program *Survival* Laut dan Penghayatan Warisan.

Beliau turut menasihatkan mahasiswa/i UMT supaya aktif dalam bersatu.

Program berpesatuan ini dapat mengasah daya kepimpinan serta meningkat keupayaan sahsiah dalam diri. Kata beliau; "Kebolehan untuk berkata-kata di khalayak ramai seperti saya sekarang ini, bercakap di hadapan lebih kurang 3000

orang pelajar merupakan kemahiran komunikasi penting yang perlu kita cari..."

Demi menyahut cabaran untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, beliau menyeru kepada semua mahasiswa/i serta kakitangan universiti untuk terus berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh untuk memastikan segala yang dirancang akan tercapai untuk kebaikan universiti dan negara.

Beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak universiti yang telah berjaya untuk menarik masuk sebilangan pelajar yang besar ini. Kata beliau, kejayaan seperti ini bukanlah mudah tetapi memerlukan daya usaha yang tinggi dan itulah sebabnya beliau yakin UMT ini akan berjaya untuk mencapai visinya dalam masa yang singkat.

Beliau turut mengucapkan selamat datang kepada warga baharu UMT ke negeri Terengganu Darul Iman. Beliau menyeru supaya mahasiswa/i yang berasal daripada negeri luar Terengganu menggunakan kesempatan belajar di UMT untuk menikmati keindahan semula jadi yang terdapat di Terengganu.

Menyambut kehadiran beliau di UMT ialah Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar serta Pegawai-pegawai Utama dan Kanan UMT.

INTERNATIONAL DAY UMT 2015



Pelajar antarabangsa UMT mempamerkan pakaian kebangsaan negara asal masing-masing dalam pertandingan pakaian beragama



Pelajar dari Thailand mempamerkan pakaian kebangsaan Thailand di Malam International Day UMT



Sukan memupuk perpaduan dan tempatan berganding bahu dalam pertandingan bola jaring



Persembahan tarian daripada salah seorang peserta pelajar antarabangsa UMT.



Mainan congkak diperkenalkan kepada pelajar antarabangsa UMT di Malam International Day UMT



perkenalkan masakan istimewa
International Day UMT 2015.



Pelajar dari Bangladesh memperkenalkan masakan
istimewa dari negara mereka.



pelajar antarabangsa UMT
tu bertanding dalam sukan
ring.



Pelajar antarabangsa seronok dapat menyertai
pertandingan membalik tin.



di sambutan Hari Sukan
UMT 2015.

Keropok Lekor Terengganu

Usaha UMT menembusi pasaran global

oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor | Penerbit UMT



Majlis pelancaran Buku Keropok Lekor Terengganu (English Edition) oleh Konsulat General Malaysia di Frankfurt, Jerman, Puan Adina Kamarudin.

“Saya pernah ditertawakan apabila ingin menerbitkan buku Keropok Lekor namun saya teruskan hasrat untuk memperkenalkan kepada masyarakat dunia, keunikan warisan makanan tradisi Negeri Terengganu yang belum pernah didokumentasikan”. Syukur Alhamdulillah hasrat murni saya dimakbulkan Allah SWT kerana buku *Keropok Lekor Terengganu (English Edition)* telah berjaya dilancarkan di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt, Pesta Buku Antarabangsa terbesar di dunia yang telah berlangsung pada 14-18 Oktober 2015. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Konsulat General Malaysia di Frankfurt, Jerman, Puan Adina Kamarudin

yang telah sudi menyempurnakan majlis pelancaran tersebut pada tanggal 17 Oktober 2015. Majlis tersebut telah disempurnakan dengan jayanya dan turut dihadiri Pengerusi Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) YBhg. Datuk Dr. Sharuddin Md. Salleh dan Pengerusi Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) YBhg. En. Abdul Wahab Ibrahim. Masyarakat antarabangsa telah disajikan dengan keropok lekor serta teh tarik selepas tamat majlis pelancaran tersebut. Saya amat berterima kasih kepada YBhg. Profesor Dato’ Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT kerana sentiasa memberi galakan, ruang dan peluang kepada Penerbit UMT untuk



Pengarang berbangga dapat mempromosi buku terbitan UMT ke peringkat global.



Prof. Madya Dr. Noraien Mansor bersama bersama buku Keropok Lekor Terengganu (English Edition) yang dilancarkan di Pesta Buku Frankfurt 2015.



Prof. Madya Dr. Noraien Mansor bersama Konsulat General Malaysia di Frankfurt, Jerman, Puan Adina Kamarudin.



Prof. Madya Dr. Noraien Mansor bersama warga Jerman, yang berminat dengan keropok lekor dan buku Keropok Lekor Terengganu.

menembusi pasaran global dalam bidang penerbitan.

Buku *Keropok Lekor Terengganu (English Edition)* adalah buku terbitan bersama Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM). Buku ini adalah hasil terjemahan daripada karya asal buku *Keropok Lekor Terengganu* yang sebelum ini diterbitkan oleh Penerbit UMT dalam bahasa Melayu pada tahun 2013. Buku *Keropok Lekor Terengganu* adalah Buku Umum Terbaik (Kategori Khazanah Warisan) Anugerah Buku Negara Tahun 2014.

Buku *Keropok Lekor Terengganu (English Edition)* adalah dokumentasi khas warisan kebanggaan masyarakat negeri Terengganu Darul Iman. Industri keropok lekor merupakan salah satu daripada industri yang berkembang pesat di negeri Terengganu. Namun tidak ramai yang tahu bagaimana ianya di proses, bermula sebagai isi ikan hingga ia dijadikan hidangan yang

enak untuk dimakan. Buku *Keropok Lekor Terengganu (English Edition)* merungkai proses penghasilan keropok lekor di Terengganu, daripada lokasi pendaratan ikan hinggalah ke peringkat pemasaran di peringkat global. Buku ini turut memuatkan bahan visual seperti hasil laut Terengganu, pemprosesan dan kilang industri kecil dan sederhana (IKS) dalam menjalankan inovasi pembuatan keropok lekor. Buku ini turut menampilkan kajian terhadap usaha memasarkan keropok lekor ke pasaran global kerana pada masa ini, ia sudah mula masuk ke pelbagai Negara seperti United Kingdom.

Buku ini juga memberi tumpuan kepada hasil penyelidikan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkaitan industri keropok lekor di Terengganu serta inovasi dalam industri tersebut. Bertepatan dengan hasrat kerajaan dan negara Malaysia untuk menjadi hub

halal dalam bidang pemakanan, penerbitan buku ini dilihat sebagai menyahut hasrat murni universiti untuk meneroka dan menembusi pasaran global.

Pesta Buku Frankfurt kali ke-67 ini telah disertai oleh 7100 pempamer dari lebih 100 negara di seluruh dunia. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pameran buku-buku terbitan Institusi Pengajian Tinggi Awam di bawah MAPIM, pertemuan dan taklimat bersama Penerbit/Agensi Penerbitan di Frankfurt, Majlis Pelancaran Buku serta pertemuan dan taklimat bersama penterjemah/jurubahasa. Universiti Malaysia Terengganu amat berbangga dapat menyertainya kali ini di samping mampu mengantarabangsakan bidang penerbitan UMT di persada antarabangsa.

Pemeriksaan dan Pencarian Bakat Akademik Cemerlang di United Kingdom

oleh: Noorasiah Moidu | Pusat Pengurusan Bakat Akademik

Dengan tujuan untuk menggerakkan lagi momentum akademik berbudaya cemerlang dan mempromosi UMT di peringkat antarabangsa, Pusat Bakat dan Inovasi (PBIA) dengan kerjasama Pusat Antarabangsa pada bulan Oktober yang lepas telah berjaya melaksanakan tiga program di bawah Teras Pemerksaan Bakat Akademik.

Program yang bermula 9-15 Oktober 2015 di United Kingdom ini disertai dan diterajui oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar, Penolong Naib Canselor, Profesor Dr. Fauziah Abu Hasan, Pengarah Pusat Jaringan Antarabangsa, Dr. Jarina Mohd Jani dan Penolong Pendaftar Pusat Pengurusan Bakat Akademik, Cik Noorasiah Moidu.

Berpandukan objektif strategi dalam Teras Pemerksaan Bakat Akademik iaitu Mengasah dan Menggilap Bakat Akademik Cemerlang, pihak urus setia dari semasa ke semasa telah mengadakan Program Pembangunan Bakat Akademik yang melibatkan pegawai sedang dalam pengajian Ph.D di dalam dan luar negara. Program kali ini telah diadakan pada 12 Oktober 2015 di Education Malaysia (UK dan EIRE) dan disertai oleh pegawai



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar merakam kenangan bersama pegawai-pegawai UMT yang melanjut pengajian di Eropah.



Penolong Naib Canselor UMT, Profesor Dr. Fauziah dan Pengarah Pusat Jaringan Antarabangsa, Dr. Jarina Mohd Jani.

akademik yang sedang melanjutkan pengajian di seluruh Eropah.

Melalui program tersebut, pihak delegasi UMT bukan sahaja dapat memantau perkembangan kemajuan pengajian pegawai malah berpeluang memberi bimbingan, nasihat dan motivasi kepada pegawai dalam menangani isu dan masalah yang dihadapi sepanjang mengikuti pengajian. Pegawai juga turut diberi informasi terkini mengenai pengajian tinggi dan transformasi yang berlaku di UMT.

Tempoh semasa mengikuti pengajian Ph.D adalah sangat kritikal.



Semasa tempoh ini pelbagai dugaan dan halangan terpaksa ditempuhi oleh pegawai sebelum mendapat pengiktirafan sebagai ahli akademik. Oleh yang demikian pegawai perlu didedahkan dengan kepentingan pembangunan ilmu dan memahami laluan kerjaya yang tepat.

Pencarian Bakat Akademik

Pencarian bakat akademik cemerlang tahun 2015 diteruskan melalui sesi temu duga terbuka yang telah diadakan selepas program pembangunan bakat akademik. Temu



Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang berucap di program Networking Conference 2015 di Suruhanjaya Tinggi Malaysia London.



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar memberi nasihat dan motivasi kepada pegawai yang melanjutkan pengajian di Eropah.



Salah seorang pegawai UMT membentangkan laporan pengajiannya.



duga telah diadakan pada 13 Oktober 2015 dan telah berjaya menarik seramai 45 orang calon. Hasil temu duga tersebut, dua orang calon telah berjaya ditawarkan jawatan pensyarah dan seramai 20 orang disenarai pendek untuk diberi biasiswa melanjutkan pengajian Ph.D.

Pada tahun 2012, UMT terus mengorak langkah di peringkat antarabangsa apabila menjalin kerjasama strategik dengan University of Southampton. Pada 15 Oktober 2015, pihak delegasi telah mengadakan pertemuan lanjut di National Oceanography Center,

Southampton bagi membincangkan, mengenal pasti dan merancang aktiviti kerjasama bagi mengukuhkan hubungan antara kedua-dua universiti. Fokus utama perbincangan kali ini ialah potensi pertukaran dalam pengajaran dan pelaksanaan konferensi anjuran bersama oleh UMT yang akan diadakan pada tahun 2017 di Malaysia iaitu International Conference on Artificial Reefs and Related Habitats atau MyCARAH, 2017.

Pada pertemuan itu juga, kedua-dua pihak bersetuju mengenai cadangan *technician swap* antara NOC Sea Systems dan UMT RV Discovery dan positif cadangan ini akan dapat dilaksanakan.

Program Networking Conference 2015

Selain daripada program yang telah dilaksanakan di atas, Pihak Delegasi UMT juga berpeluang menghadiri

program yang dianjurkan oleh pihak Education Malaysia (UK dan EIRE) iaitu program Networking Conference 2015 di Suruhanjaya Tinggi Malaysia London pada 9 Oktober 2015.

Objektif utama program tersebut diadakan ialah sebagai platform untuk meneroka kerjasama dan kolaborasi dalam bidang akademik dan penyelidikan selain sebagai medium penyampaian maklumat berkaitan. Program ini dihadiri oleh wakil-wakil penting dari sektor pendidikan tinggi UK iaitu pelbagai universiti-universiti di UK, UK Trade & Investment, UK Higher Education International Unit, Department for Education, Diplomatic Corps dan agensi kerajaan di London.

Pihak penganjur telah memperuntukkan slot taklimat kepada pihak UMT. Peluang ini telah diguna sepenuhnya oleh Dr. Jarina Mohd Jani dalam mempromosi dan memperkenalkan UMT kepada semua wakil yang hadir.



Kajian Profil Asas Polisi, Pengurusan dan Komuniti Orang Asli Taman Negara Terengganu dan Endau-Rompin

oleh: Dr. Roslina Ismail | Institut Penyelidikan Kenyir

Dalam era globalisasi, terdapat perubahan yang ketara dalam tindakan sosial. Salah satu manifestasinya adalah sebagaimana perubahan yang wujud dalam ilmu Hubungan Antarabangsa (IR). Sebagai contoh, analisis ilmu teras IR yang lazimnya berkisar kepada isu-isu pembangunan dan perubahan negara-negara berdaulat serta interaksi pelaku-pelaku negara (*state actors*) dan bukan negara (*non-state actors*) dalam sistem serta masyarakat antarabangsa, kini telah berkembang kepada isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar. Pengiktirafan bidang baharu dalam disiplin IR ini menunjukkan bahawa isu alam sekitar telah diiktiraf sebagai isu bersifat rentas-disiplin di mana ia tidak lagi berimej saintifik dan

teknikal semata-mata bahkan berkait rapat dengan isu-isu politik dan juga polisi.

Isu Biodiversiti

Di sebalik kesan perkembangan globalisasi, isu-isu kepelbagaian biologi telah lama menjadi perhatian penting pengkaji ilmu sains alamiah terutamanya dalam kalangan ahli biologi dan zoologi. Tidak ketinggalan juga dalam bidang Hubungan Antarabangsa, isu-isu biodiversiti telah berkembang dalam wacana bidang Hubungan Antarabangsa sejak Perang Dunia Kedua lagi. Selanjutnya pada 1972, buat pertama kalinya banyak negara maju dan membangun termasuklah Malaysia bersepakat di Stockholm untuk merealisasikan agenda

“Manusia dan Alam Sekitar” melalui Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Manusia dan Alam Sekitar. Bermula dari dekad tersebut, kesedaran mewujudkan agensi serta instrumen polisi bagi pelaksanaan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar di peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara membangun semakin berkembang.

Di peringkat antarabangsa, resolusi Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Manusia dan Alam Sekitar telah diikuti dengan penubuhan UNEP (Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu). Resolusi tersebut juga telah membawa kepada penubuhan Jabatan Alam Sekitar dan juga Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di negara kita. Mengenai

biodiversiti, hanya sejak 1990-an ia menjadi agenda antarabangsa yang penting oleh kerajaan-kerajaan. Sekitar dekad tersebut juga, perhatian Malaysia bukan sahaja kepada isu biodiversiti malah isu-isu Antartika, perubahan cuaca, pencemaran rentas sempadan dan nyahperhutanan. Pada masa kini, komitmen Malaysia menangani isu-isu alam sekitar tempatan dan antarabangsa dimantapkan lagi dengan peranan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Kementerian Luar Negeri melalui *Multilateral Economic and Environment Division* (MEED).

Polisi dan Pengurusan

Kerajaan melalui Pelan Nasional 2010 telah membahagikan lapan tulang belakang hutan terintegrasi di Semenanjung Malaysia, di mana Taman Negara Terengganu (TNT) disatukan dalam Kompleks Taman Negara Besar manakala Taman Negara dikategorikan sebagai sebahagian daripada Kompleks Hutan Endau Rompin-Sedili. Kawasan Taman Negara Johor Endau-Rompin berkeluasan 89100 hektar. Ia terletak di Segamat dan Mersing, dua daerah di utara Johor. Manakala baki hutan seluas 40.197 hektar adalah terletak di negeri Pahang, yang diselia oleh Jabatan Perhutanan melalui Akta Perhutanan Malaysia. Taman Negara Johor Endau-Rompin ditubuhkan pada September 1993 di bawah subseksyen 3 (1) Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor 1989. Ini bermakna kawalan tadbir-urus Taman Negara tersebut adalah di bawah kerajaan negeri Johor, selagi ia tidak bertentangan dengan keperluan di bawah perlembagaan persekutuan. Pada masa kini, tadbir-urus peringkat persekutuan di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) hanya dalam lingkungan empat Taman

Negara iaitu, Taman Negara Pahang, Taman Negara Kelantan, Taman Negara Terengganu dan Taman Negara Pulau Pinang.

Dari segi sejarah, Taman Negara Johor Endau-Rompin telah dibangunkan daripada inisiatif oleh British semasa era penjajahannya. Ia telah mewartakan Hutan Simpan Labis dan Rizab Hidupan Liar Endau Kluang. Rizab ini telah ditubuhkan oleh Notis Warta 827 di bawah Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung (1923) pada tahun 1933. Dari segi perbandingan, Taman Negara Johor Endau-Rompin adalah taman negara atau kawasan perlindungan kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Taman Negara Semenanjung Malaysia (Taman Negara Pahang - 2477 km persegi atau 57%, Taman Negara Kelantan - 1043 km persegi atau 24% dan Taman Negara Terengganu - 853 km persegi atau 19%). Ia mempunyai banyak tarikan alam semula jadi seperti gunung, sungai, air terjun, spesies mamalia, reptilia, amfibia, burung, ikan dan pelbagai jenis flora serta fauna. Tidak hairan ia menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara, khususnya dari Singapura.

Ramai yang belum mengetahui bahawa negeri Terengganu mempunyai Taman Negeranya sendiri, dikenali dengan Taman Negara Terengganu (TNT) yang keluasan 853 km persegi atau 19% dari keluasan Taman Negara Semenanjung Malaysia. Ia adalah komponen yang paling kecil Taman Negara Taman Negara Semenanjung Malaysia. Ia diasaskan oleh British pada tahun 1938 dengan pewartaan Enakmen King George V National Park (Terengganu), 1938 dan Peraturan 1851 Taman Negara King George V (Terengganu). Dua puncak tertinggi di TNT adalah Gunung Gagau (1376 m) dan Gunung Padang (1314 m). TNT

disaliri oleh beberapa sungai utama iaitu Sungai Cacing, Sungai Cicir, Sungai Perpek, Sungai Terengganu dan Sungai Chendana. Satu lagi sungai yang mengalir ke dalam TNT adalah Sungai Lasir. Sempadan dan pintu masuk utama TNT adalah terletak di Tanjung Mentong. Sesiapa yang ingin memasuki TNT perlu mendapatkan pengangkutan bot sama ada dari Pengkalan Gawi atau Jenagor. Mereka juga perlu melalui Tanjung Mentong dan keluar semula ke Tasik Kenyir melalui Tanjung Mentong. Mereka akan dikenakan tindakan oleh PERHILITAN di bawah Akta Perlindungan Haiwan Liar 2010 sekiranya menyalahi peraturan keluar-masuk tersebut. TNT mempunyai tarikan sungai, spesies ikan serta haiwan liar, singkapan batu kapur, gua-gua dan pergunungan yang diliputi oleh hutan semula jadi. Dalam aspek tadbir-urus Tasik Kenyir, peraturan PU (B) 356 dan pelan warta kawasan berjudul Wilayah Pembangunan Tasik Kenyir 1993 menegaskan bahawa Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah berfungsi sebagai agensi untuk membangunkan, memajukan, membantu dan untuk menjalankan sebarang projek pembangunan ekonomi dan sosial di Tasik Kenyir.

Pada masa kini, polisi berikut merupakan panduan bagi pelaksanaan tadbir-urus di TNT dan Taman Negara Johor Endau-Rompin:

- Konvensyen Kepelbagaian Biodiversiti
- Konvensyen tentang Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam
- Rancangan Malaysia
- Kanun Tanah Negara 1965
- Dasar Hutan Kebangsaan 1978
- Strategi Pemuliharaan Kebangsaan

- Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan 1998
- Dasar Pelancongan Kebangsaan
- Pelan Ekopelancongan Kebangsaan

Manakala perundangan berikut merupakan panduan bagi pelaksanaan tadbir-urus di TNT dan Taman Negara Johor Endau-Rompin:

- Akta Taman Negara 1980
- Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 – Johor sahaja
- Enakmen
- Akta Perlindungan Haiwan Liar 1972
- Akta Orang Asli 1954
- Akta Perhutanan Kebangsaan 1984
- Akta Perikanan 1985
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
- Enakmen King George V National Park (Terengganu) 1938-Terengganu sahaja

Komuniti Orang Asli

Sebahagian kecil kawasan Taman Negara Johor Endau-Rompin adalah bersempadan dengan tiga kawasan rezab Orang Asli Jakun. Dari segi sejarah, Orang Asli Jakun di Taman Negara Johor Endau-Rompin berasal dari kawasan taman tersebut.

Kampung yang terbesar di kawasan yang berhampiran dengan taman ini adalah Kampung Peta. Semasa zaman British, iaitu ketika darurat, mereka ditempatkan di Ewah, tidak jauh dari ibu pejabat Taman ini. Apabila keadaan darurat semakin genting di Johor, mereka sekali lagi secara paksa ditempatkan semula. Kali ini dipindahkan ke hilir Tanjung Pelandok dan kemudian ke Dusun Tinggi yang berhampiran dengan kedua-dua Kampung Tanah Abang. Selepas merdeka, iaitu pada tahun 1960, mereka telah diberi pilihan oleh pihak kerajaan sama ada untuk kembali ke tanah tradisi mereka atau untuk menetap di lokasi yang



lebih sesuai. Mereka seterusnya dipindahkan ke penempatan baharu oleh kerajaan pada tahun tersebut.

Walaupun mereka telah menetap di penempatan baharu di mana sekarang ini melibatkan Kampung Peta, Kampung Segamat Kecil, Kampung Selai dan Kampung Sungai Kemidak) dan tiga Kampung Jakun lain (Kampung Juaseh, Kampung Kudung dan Kampung Tamok), mereka tidak melupakan penempatan asal. Mereka kerap kembali ke kawasan tradisi mereka di taman itu sama ada semasa musim buah-buahan atau kerana melawat kubur keluarga serta nenek-moyang mereka di sana atau bagi mendapatkan hasil

hutan untuk dijual atau kegunaan sendiri.

Masyarakat Orang Asli di Hulu Terengganu datang dari Hulu Tembeling, Pahang. Mereka telah dibahagikan kepada dua suku iaitu Semak Beri dan Bateq. Mereka datang ke Terengganu sejak daripada zaman penjajahan British lagi iaitu sekitar tahun 1897. Suku Semaq Beri datang ke Terengganu melalui Sungai Sephia, Pahang. Mereka secara beransur-ansur masuk ke Terengganu melalui sempadan Pahang dan menetap di hutan terpencil di Sungai Terengganu. Selepas itu mereka telah berpindah ke Sungai Kerbat dan bercampur dengan suku Bateq yang



Penyelidik UMT di Sungai Como iaitu salah satu Kawasan Rayau Orang Asli Batek dan Semak Beri Kampung Sungai Berua dalam satu projek penyelidikan di hutan Tasik Kenyir.

berasal dari Hulu Lebir, Kelantan. Dengan hubungan sosial ini, iaitu melalui hubungan perkahwinan telah menghasilkan masyarakat diasimilasikan dan bersepadu dinamakan Bateq dan Semak Beri (Jabatan Kemajuan Orang Asli 2015). Sempena Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), Kerajaan Persekutuan Malaysia telah membuat keputusan penting pada penubuhan Empangan Hidroelektrik Sultan Mahmud. Oleh itu, pada tahun 1976, mereka yang menetap secara nomad di Tasik Kenyir dan TNT telah dipindahkan di kawasan sekitar Pulau Bayas di Tasik Kenyir. Mereka kemudiannya dipindahkan ke Kampung Dura,

sejauh 13 km dari Pekan Kuala Berang. Walau bagaimanapun, disebabkan isu tanah terhad, mereka kemudian dipindahkan ke penempatan baharu, yang kini dikenali sebagai Perkampungan Orang Asli Sungai Berua. Di kampung ini, Orang Asli Bateq dan Semak Beri mendapat pendedahan kehidupan baharu dengan sokongan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Orang Asli. Kampung mereka dilengkapi dengan infrastruktur seperti rumah, sekolah, klinik, dewan, masjid serta ladang pertanian.

TNP telah tidak menjadi penempatan tetap untuk Orang Asli. Walau bagaimanapun, mereka masih

menganggap Taman tersebut sebagai kampung serta sumber sara hidup mereka. Pada masa kini Gunung Gagau, Kuala Bah, Gunung Padang, Sungai Cacing dan Sungai Cicir juga merupakan sebahagian daripada kawasan pencarian makanan mereka. Selain itu, kawasan Sungai Cicir, Sungai Cacing dan Sungai Lawit merupakan kawasan tempat tinggal sementara mereka di hutan.

Akta Orang Asli 1954 memperuntukkan perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Akta ini memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan tanah Rizab Orang Asli untuk tanah yang belum ditubuhkan sebagai Tanah Rizab Melayu, atau hutan simpan dan kawasan perlindungan. Orang Asli sudah bermastautin di mana-mana kawasan rizab tersebut, tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Pihak Kerajaan Negeri juga diberi kuasa untuk mengisytiharkan kawasan-kawasan Orang Asli bagi tanah-tanah yang belum diwartakan untuk tujuan lain.

Bagi Orang Asli Bateq dan Semak Beri, tanah seluas 165,54 hektar telah dianugerah sebagai tanah mereka iaitu Tanah Rizab Orang Asli di Sungai Berua. Di TNT, Orang asli boleh memburu hidupan liar tertentu sebagai makanannya atau anggota keluarganya. Jadual ke-6 serta Seksyen 51 memperuntukkan spesies yang dibenarkan adalah: babi hutan, rusa, pelanduk, berok, lotong kelabu, lotong cengkong, landak raya, landak nibong, ruak-ruak, punai tanah. Manakala bagi hidupan liar yang diburu, ia "tidak boleh dijual atau ditukarkan dengan makanan/keuntungan kewangan/apa-apa benda lain". Sekiranya mereka didapati menyalahi peraturan tersebut, mereka boleh "didenda tidak melebihi RM 10,000.00 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya".

Hari Terbuka Sains Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) UMT 2015

oleh: Dr. Laili Hj Che Rose | Pusat Pengajian Sains Asasi



Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah memberi ruang bagi memperbaiki mutu sistem pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia. Masalah penjurusan pelajar yang berminat untuk mengikuti bidang aliran sains dan teknikal masih belum dicapai dalam sistem pendidikan negara kita. Nisbah pelajar aliran sains : sastera (60:40) masih jauh untuk dipenuhi sekiranya tiada usaha yang sewajarnya diambil. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab dalam memastikan peningkatan kadar nisbah pelajar yang berminat dalam menceburi bidang sains dan teknikal mampu dipertingkatkan. Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) merupakan model dan sistem yang dipraktikkan di negara barat dikesan dapat membantu pelajar-pelajar meminati bidang sains dan matematik seterusnya menjadi asas kepada pelajar dalam menguasai bidang kejuruteraan sains dan teknologi.

Universiti Awam mempunyai peranan masing-masing dalam membantu pelajar menceburi bidang tersebut.

Menyedari perkara ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menubuhkan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi meningkatkan jumlah pelajar dalam bidang STEM bermula pada peringkat sekolah menengah. Jawatankuasa STEM ini telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan jumlah pelajar yang mengikuti program STEM di sekolah dapat dipertingkatkan. Antaranya adalah dengan mengadakan hari terbuka UMT dengan tema "Minda Sains Minda Bestari dan Hari Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dengan tema "Discover Science for the Enquiring Mind".

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) dan Pusat Perancangan Transformasi, Strategik dan Risiko beserta empat pusat pengajian lain (Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan,

Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur, Pusat Pengajian Kejuruteraan Lautan dan Makmal Berpusat) telah menganjurkan Hari Terbuka Sains Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) 2015 pada 31 Oktober 2015.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar di Dewan Syed Jalaluddin UMT. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Profesor Dr. Mohd Effendy Abd Wahid, En. Azahar Abu Bakar, Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, mewakili Pengarah JPNT, Pengarah Pusat Pengurusan dan Pembangunan Akademik UMT, Profesor Dr. Hamdan Suhaimi dan Pengarah Program STEM 2015, Dr. Laili Hj. Che Rose.

Program ini mendapat sambutan dengan kehadiran 400 pelajar Tingkatan 1-3 daripada sekolah-sekolah di sekitar Terengganu.

Panglima TLDM *Rasmi* Full Mission Ship-Handling Simulator

oleh: Mohd Izham Mohd A Wahid | Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Simulator Perkapalan UMT, "Full Mission Ship-Handling Simulator" sempurna dirasmikan oleh Panglima Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), YBhg. Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar, pada 22 Oktober 2015. Semasa majlis perasmian, beliau telah diberikan penerangan secara terperinci oleh Profesor Ir. Dr. Ahmad Jusoh, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK), di lokasi yang menempatkan peralatan ini.

"Full Mission Ship-Simulator" berfungsi sebagai alat bantuan yang mewujudkan persekitaran dan peralatan yang menyerupai keadaan sebenar cara pengendalian beberapa model kapal. Ia memiliki perisian khas untuk menerima arahan anak kapal melaksanakan tugas mengemudi di pelbagai lokasi lautan dan pelabuhan seluruh dunia. Peralatan pembelajaran yang bernilai RM3.3 juta ini siap dipasang pertengahan tahun lalu, merupakan jenama Kongsberg buatan Norway yang pertama dimiliki oleh Universiti Awam Malaysia dan di Pantai Timur. Ini bakal memberi manfaat kepada pelajar jurusan Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK) UMT. Program latihan menggunakan peralatan ini juga bakal ditawarkan kepada pelbagai agensi luar yang berminat untuk mengikuti modul latihan di sini.

PPKK memiliki beberapa pengajar berpengalaman yang diketuai oleh Capt. Mohd Naim Fadzil bagi membimbing dan melatih para pelajar termasuk staf agensi luar yang mengikuti



YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar mencuba peralatan di Full Mission Ship-Handling Simulator

program latihan kelak. Peralatan ini dibina berdasarkan rekaan sebenar bahagian kemudi sesebuah kapal dengan kelengkapan yang standard. Pada majlis tersebut juga, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor mempelawa agensi-agensi yang berminat untuk mengikuti modul

latihan menggunakan peralatan yang dimiliki oleh UMT ini. Menurut beliau, bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar UMT, peralatan ini dibina dengan mematuhi piawaian antarabangsa oleh International Maritime Organization (IMO) dan Standard of Training, Certification and Watchkeeping (STCW).

UMT

anjur Seminar dan Bengkel

Pemuliharaan Penyu di Malaysia

oleh: Dr. Juanita Joseph dan Prof. Dr. Wan Izatul Asma Wan Talaat |
Institut Oseanografi dan Sekitaran

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersama dengan Pejabat Penasihat Sains kepada YAB Perdana Menteri, Jabatan Perikanan Malaysia dan Kerajaan Negeri Terengganu telah menganjurkan Seminar & Bengkel Pemuliharaan Penyu di Malaysia pada 1-3 September 2015. Seminar dan bengkel ini telah dijalankan di Auditorium Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), UMT dan Stesen Penyelidikan Penyu UMT, Chagar Hutang, Pulau Redang. Seminar dan bengkel ini telah dianjurkan dengan kerjasama Indian Ocean and South-east Asia (IOSEA) Marine Turtle Memorandum of Understanding, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Maritime Institute of Malaysia (MIMA), Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), WWF-Malaysia, Laguna Redang Island Resort dan Kelab Wanita UMT (MUTIARA).

Seminar dan Bengkel Pemuliharaan Penyu ini telah dirasmikan oleh wakil Menteri Besar Terengganu, YBM Dato' Tengku Putera Tengku Awang, Exco Perindustrian dan Perdagangan Negeri Terengganu. Turut hadir ialah

Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar. Majlis perasmian ini diserikan dengan ucap-tama mengenai pemuliharaan dan kelestarian biodiversiti yang disampaikan oleh Penasihat Sains Kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, YBhg. Profesor Tan Sri Zakri bin Abdul Hamid.

Terdapat 11 pembentangan semasa seminar ini dan telah dibahagikan kepada tiga sesi. Sesi pertama memperkenalkan konvensyen antarabangsa yang boleh melindungi penyu dan haiwan marin lain yang berhijrah dari satu negara ke negara yang lain. Pembentangan mengenai Convention on Migratory Species (CMS) telah disampaikan oleh Dr. Bradnee Chamber, Executive Secretary CMS dan Memorandum Persefahaman Penyu IOSEA oleh Ms. Clara Nobbe. Sehingga kini, Malaysia belum lagi menandatangani konvensyen ini, walaupun CMS adalah penting dalam memulihara dan melindungi penyu serta haiwan marin yang lain. Bagi memorandum persefahaman penyu IOSEA pula, Malaysia merupakan ahli kepada memorandum ini sejak ia ditubuhkan dan kerjasama banyak dijalankan dengan Jabatan Perikanan Malaysia.

Sesi kedua merupakan pembentangan mengenai Status

Pemuliharaan Penyu di Malaysia dan Asia Tenggara yang telah disampaikan oleh Tn. Syed Abdullah Syed Kadir (TUMEC/SEAFDEC), manakala En. Irwan Isnain dari Taman-taman Sabah membentangkan; Status Pemuliharaan Penyu di Sabah dan Status Pemuliharaan Penyu di Sarawak disampaikan oleh En. James Bali dari Sarawak Forestry Corporation.

Selain itu, wakil WWF, Dato' Dr. Dionysius S.K. Sharma telah membentangkan; Usaha Pemuliharaan Penyu yang dijalankan oleh WWF-Malaysia. Berdasarkan pembentangan dalam sesi kedua ini, didapati bahawa usaha pemuliharaan penyu di Malaysia telah dijalankan dengan giat oleh agensi-agensi yang terlibat. Persarangan penyu agar (*green turtle; Chelonia mydas*) telah dilihat meningkat berbanding jumlah persarangan pada 20 tahun sebelum ini. Akan tetapi tiada pendaratan penyu belimbing (*leatherback turtle; Dermochelys coriacea*) di Malaysia semenjak tahun 2010. Para saintis percaya bahawa penyu belimbing ini telah pupus di Malaysia. Pendaratan penyu karah (*Hawksbill turtle; Eretmochelys imbricata*) dan penyu lipas (*Olive ridley turtle; Lepidochelys olivacea*) juga masih dalam keadaan yang membimbangkan.



Naib Canselor UMT mengiringi YBM Dato' Tengku Putera Tengku Awang melawat pameran.

Sesi ketiga pembentangan merangkumi; Penyelidikan Penyu yang dijalankan oleh UMT dan disampaikan oleh Dr. Juanita Joseph, status undang-undang berkaitan pemuliharaan penyu di Malaysia dan cadangan penambahbaikan undang-undang yang sedia ada (disampaikan oleh Pn. Preetha Shankar), status pemuliharaan penyu di Terengganu termasuk isu sosioekonomi (disampaikan oleh En. Abdul Khalil bin Abdul Karim, Pengarah Perikanan Negeri Terengganu), cadangan peningkatan penguatkuasaan kapal luar negara bagi mengatasi masalah pemburuan haram penyu (disampaikan oleh Cik Cheryl Rita Kaur dari MIMA) dan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan bagi melindungi penyu di Malaysia (disampaikan oleh En. Abdullah Jaafar dari Jabatan Perikanan Malaysia).

Di akhir sesi pembentangan, satu perbincangan panel telah diadakan bagi meningkatkan pemuliharaan penyu dan mengatasi masalah yang dihadapi. Isu utama yang disentuh adalah mengenai penjualan telur penyu di Semenanjung Malaysia yang mana sehingga sekarang masih tiada undang-undang yang digubal bagi mengharamkan penjualan telur penyu ini. Hanya Sabah dan Sarawak saja yang melindungi penyu secara keseluruhan. Akan tetapi, kerana

penjualan telur penyu masih boleh dijalankan di Semenanjung Malaysia, masalah penyeludupan telur penyu ke Semenanjung Malaysia dari Sabah dan Sarawak telah meningkat.

Pada hari kedua Seminar dan Bengkel Pemuliharaan Penyu di Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia telah memberi penerangan dan pencapaian mengenai Pelan Tindakan Kebangsaan ke atas Pengurusan dan Pemuliharaan Penyu di Malaysia (2009-2013). Peserta bengkel seterusnya dibahagikan kepada lima kumpulan bagi membincangkan penambahbaikan Pelan Tindakan Kebangsaan ke atas Pengurusan Pemuliharaan Penyu di Malaysia ini akan disiapkan sepenuhnya pada bengkel yang akan dianjurkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia pada bulan Disember 2015.

Sebelum majlis penutup, wakil dari Penasihat Sains Kepada YAB Perdana Menteri Malaysia telah merumuskan rekomendasi yang telah dibincangkan secara mendalam semasa Seminar dan Bengkel Pemuliharaan Penyu. Rekomendasi itu termasuklah:

- Menambahbaik dan melengkapkan Pelan Tindakan Kebangsaan ke atas Pengurusan Pemuliharaan Penyu di Malaysia untuk tahun 2016-2020. Pelan

tindakan ini perlu memasukkan polisi dan isu utama dalam pemuliharaan penyu yang telah dikenalpasti, di samping pemantauan yang ketat bagi memastikan pelan tindakan ini dapat digunapakai bagi meningkatkan pemuliharaan penyu di Malaysia.

- Untuk menggerakkan Malaysian Sea Turtle Working Group (MSTWG).
- Membuat pengharaman penjualan telur penyu dan produk penyu yang lain di seluruh Malaysia.
- Pembentukan kumpulan *task force* untuk meninjau semula undang-undang berkaitan pemuliharaan penyu di Malaysia dan mencadangkan perubahan serta penambahbaikan undang-undang bagi meningkatkan lagi pemuliharaan penyu di Malaysia.
- Malaysia perlu mengambil langkah segera bagi menandatangani Convention on Migratory Species (CMS).

Seminar dan Bengkel Pemuliharaan Penyu di Malaysia ini telah diakhiri dengan lawatan ke Stesen Penyelidikan Penyu UMT di Chagar Hutang, Pulau Redang pada 3 September 2015. Suatu majlis rasmi kerjasama di antara Laguna Redang Island Resort dan UMT juga telah dijalankan pada 3 September di Laguna Redang Island Resort.

Seramai 120 orang peserta dari seluruh Malaysia telah hadir dalam Seminar dan Bengkel Pemuliharaan Penyu ini. UMT telah menganjurkan seminar dan bengkel ini dengan jayanya dan ribuan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT yang telah menyokong program ini sejak dari awal. Tidak dilupakan juga Ahli Jawatankuasa Pelaksana di peringkat UMT, terutamanya Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), UMT yang telah bekerja keras dalam menjayakan program ini.

AMIC Pilih UMT MoU Penyelidikan Rumpai Laut

oleh: Mohd Izham Mohd A Wahid | Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Aerospace Malaysia Innovation Centre (AMIC) telah menjalinkan kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) melalui satu perjanjian persefahaman (MoU) yang dimeterai di International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) pada 10 September 2015. IGEM 2015 berlangsung pada 9-12 September 2015 di Kuala Lumpur Convention Centre, merupakan medan pertukaran pengetahuan terkini dan pengenalan produk teknologi hijau oleh pemain industri. Acara tahunan ini ditunjangi oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

UMT melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK) bakal bekerjasama dengan AMIC, Universiti Malaya (UM), University of Nottingham Kampus Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Airbus Group untuk menjalankan aktiviti kajian dan pembangunan terhadap penghasilan minyak untuk kegunaan industri penerbangan. Kajian ini melibatkan penyelidik PPKK, iaitu Prof. Madya Dr. Oladokun Sulaiman Olanrewaju yang menjalankan penyelidikan khusus terhadap struktur binaan dan perlindungan dalam penghasilan spesies rumpai laut yang telah dikenalpasti berupaya mengeluarkan ekstrak minyak. Penyelidikan ini diyakini mampu untuk menyediakan sumber semula jadi dan bahan bakar alternatif dalam ujian pesawat penerbangan oleh Airbus Group kelak. Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan semua wakil agensi yang terlibat menandatangani perjanjian tersebut dalam satu majlis semasa berlangsungnya IGEM 2015. Ia disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), YBhg. Datuk Loo Took Gee.

UMT dan UTP Kaji Ubah Suai Pelantar Minyak Jadikan Makmal Pembelajaran

oleh: Mohd Izham Mohd A Wahid | Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan



Setiausaha Politik Menteri Pendidikan Tinggi, YBhg. Datuk Haji Abd. Halim bin Jusoh.



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar.

“Jika usaha ini menjadi kenyataan dalam tempoh 2 atau 3 tahun lagi, pelajar-pelajar UMT dan UTP akan berpeluang untuk berada dalam persekitaran sebenar untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan, teknologi maritim ataupun sains marin.”

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan Dekan Fakulti Geosains dan Kejuruteraan Petroleum Universiti Teknologi Petronas (UTP), Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shahir Liew, berkesempatan untuk duduk bersama dalam seminar ini bagi memperincikan usaha sama di antara kedua-dua universiti terhadap cadangan tersebut.

Penggunaan pelantar minyak yang telah tamat tempoh penggunaannya masih berupaya untuk digunakan sebagai pusat latihan atau makmal pembelajaran. Di peringkat UTP, ia masih dalam peringkat rundingan untuk tujuan tersebut dengan pihak Petronas sendiri, perlu mengkaji polisi dan prosedur keselamatan walaupun cadangan ini lebih menjimatkan berbanding membina fasiliti pembelajaran yang baharu. UMT yang memiliki Kapal Penyelidikan,

RV Discovery pula bersedia untuk digunakan dalam menjayakan usaha ini, termasuk tenaga pengajar, penyelidik dan pelajar-pelajar. Jika usaha ini menjadi kenyataan dalam tempoh 2 atau 3 tahun lagi, pelajar-pelajar UMT dan UTP akan berpeluang untuk berada dalam persekitaran sebenar untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan, teknologi maritim ataupun sains marin. Kewujudan makmal di atas pelantar minyak membantu proses pembelajaran yang lebih berkesan dan memberi pengalaman baharu kepada pelajar sebagai proses pembelajaran yang berbentuk praktikal sebelum memasuki pasaran kerja sebenar.

NUSYS 2015 kali ke-8 telah diadakan pada 21 September 2015, dihoskan oleh UMT dengan penglibatan Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Sains Malaysia (USM), *Institute of Electrical and Electronics Engineers* (IEEE) dan Subsea Services (M) Sdn. Bhd. Seramai 200 peserta daripada Universiti Awam dan Swasta telah menghadiri seminar ini. Majlis Perasmian NUSYS 2015 disempurnakan oleh Setiausaha Politik Menteri Pendidikan Tinggi, YBhg. Datuk Haji Abd. Halim bin Jusoh.

Satu cadangan untuk menggunakan pelantar minyak sebagai makmal pembelajaran dibincangkan dalam seminar 8th National Technical Seminar on Underwater System Technology (NUSYS 2015). Naib Canselor UMT,

Majalah INFOKUS UMT Menang Kali Ke-4 Hadiah Suar Bahasa

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman | Penerbit UMT

Majalah INFOKUS UMT Edisi Jun 2015 berjaya mempertahankan kedudukan sebagai penerima Anugerah Khas Hadiah Suar Bahasa 2015 buat kali ke-4 (2012, 2013, 2014, 2015) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Timur. Kemenangan ini membawa pulang hadiah piala dan wang tunai RM2,500.00. Majalah INFOKUS UMT sekali lagi berjaya mengekalkan kedudukan sebagai majalah terbaik dalam mendaulatkan penggunaan Bahasa Melayu yang betul dalam penerbitan dan juga penampilan emej yang menarik. Majalah INFOKUS UMT sebelum ini turut mendapat hadiah yang sama sejak pertandingan ini diperkenalkan pada tahun 2012 bagi mencari penerbitan buletin dan majalah terbaik dalam mendaulatkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan Universiti Awam, badan-badan kerajaan dan juga badan berkanun.

Selain itu, Majalah INFOKUS UMT juga berjaya mempertahankan gelaran Johan Kategori Bahasa untuk kali ke-4 (2012, 2013, 2014 dan 2015) dengan membawa pulang piala iringan dan wang tunai berjumlah RM2,500.00.

Pada tahun ini juga, Majalah INFOKUS UMT sekali lagi mendapat gelaran Johan Kategori Penerbitan dengan membawa pulang piala iringan dan wang tunai berjumlah RM1,000.00. Pemilihan berdasarkan pemaparan reka bentuk dan reka letak majalah.

Pertandingan Suar Bahasa 2015 dianjurkan sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang disambut pada setiap bulan Oktober setiap tahun. Majlis penyampaian hadiah telah diadakan sempena Majlis



Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor menerima piala Anugerah Khas Suar Bahasa 2015 daripada Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri Kelantan.



Sidang Redaksi majalah INFOKUS UMT, dari kiri En. Mohd Fadli Abdullah (Pereka), Pn. Harisom Anida Musa (Editor), Prof. Madya Dr. Noraien Mansor (Ketua Pengarang), Cik Rabil Sitta Abdul Rahman (Editor) dan En. Mohd Izham Mohd A. Wahid (Editor).

Perasmian Karnival Bahasa yang telah diadakan pada sebelah pagi di Dataran Stadium Sultan Muhammad IV. Turut diadakan Perarakan Konvoi 1 Bahasa, Perasmian Ujana Buku Wilayah Timur dan Program Semarak Bahasa Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2015 Peringkat Negeri Kelantan di Kompleks Sekolah-sekolah Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu, Kelantan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan.

Kemenangan ini adalah hadiah buat seluruh warga UMT yang sentiasa memberikan sokongan serta menyumbang bahan dalam penerbitan majalah INFOKUS UMT. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar yang sentiasa memberikan sokongan padu dalam menjayakan penerbitan majalah INFOKUS UMT. Sokongan dan kerjasama semua untuk memartabatkan Bahasa Melayu dan bidang penerbitan di UMT amat dihargai dan sanjung tinggi.


RENUNGAN

Warisan Nabawi

Ilmu adalah anugerah paling agung kurnian Allah SWT kepada hamba-Nya. Sebab itu wahyu pertama (ayat 1-5, Sural al-'Alaq) yang diturunkan kepada Nabi SAW adalah berkenaan kewajipan (perintah) kepada hamba-Nya untuk mencari dan menuntut Ilmu. Nabi dan Rasul sebelum Nabi SAW dikurniakan mukjizat dalam pelbagai bentuk, namun Nabi SAW dikurniakan mukjizat al-Quran sebagai simbol ilmu yang agung dan kekal sehingga hari akhirat.

Warisan yang sungguh bernilai ini akan menjadi begitu berfaedah sekiranya manusia mengkaji dan meneroka kandungan dan hikmah yang terkandung di dalamnya. Terdapat 14 perkataan mengenai perintah menuntut dan mengkaji ilmu yang disebut lebih daripada 100 kali di dalam al-Quran. Ini jelas menunjukkan bahawa menuntut ilmu merupakan kewajipan yang berbentuk syara'. Sesungguhnya Nabi SAW tidak meninggalkan harta yang berbukit, namun baginda mewariskan mukjizatnya iaitu al-Quran sebagai sumber ilmu, petunjuk dan pedoman yang melebihi segala-galanya.

Riswadi bin Azmi
Pusat Islam Sultan Mahmud
Universiti Malaysia Terengganu



SEAHORSES HERITAGE FROM PRISTINE JOHOR STRAITS

Author : Mohd Effendy Abd Wahid and Thirukanthan Chandra

ISBN : 978-967-0524-94-8

Year : 2015

Synopsis:

Seahorses are by far one of the most fascinating amalgam of incommensurable parts – a horse's head, the free roving eyes and changeable colors of a chameleon, tail of a monkey, a kangaroo's pouch, the armor of a dragon and the wings of a hummingbird – yet the fact remains that it is simply a fish.



VISIONS OF KENYIR THROUGH THE EYES OF A DRONE


Author : Faizah Mohd Sharoum

ISBN : 978-967-0524-99-3

Year : 2015

Synopsis:

The beauty and splendour of Kenyir Lake is captured in a series of aerial shots via the telephoto lens of a multicopter or drone. The islands are filled with canopies of dipterocarp forests and these are home to numerous species of large mammals, birds, insects, reptiles and amphibians, as depicted in this coffee table book. Several fish species which thrive in the clear and clean waters of the lake, serve as angling attractions of Kenyir.



SETIU WETLANDS, SPECIES, ECOSYSTEMS AND LIVELIHOODS

Author : Faridah Mohamad, Jamilah Mohd Salim, Jarina Mohd Jani and Rohani Shahrudin

ISBN : 978-967-0524-91-7

Year : 2015

Synopsis :

This book will spark in the readers an interest on the natural and cultural heritage of Setiu Wetlands. It is a celebration of the past and present efforts of researchers from Universiti Malaysia Terengganu (UMT) in Setiu. It represents UMT's aspiration to contribute via ecosystem health and sustainable use of Setiu natural resources through more focused multi-disciplinary researches. With its three components – species, ecosystems and livelihoods – the book aims to highlight the uniqueness of this wondrous place, from the numerous species that demonstrate its rich biodiversity, to the various life-giving ecosystems that support them, and finally the diverse livelihoods that have resulted from the time-tested nature-society relationships that the local communities have with their natural Setiu Wetlands environment.



PILIHAN RAYA UMUM TERENGGANU 1955-2013

Pengarang : Hamdan Aziz

ISBN : 978-967-0524-95-5

Tahun : 2015

Sinopsis :

Pilihan raya merupakan salah satu asas utama dalam pengamalan sistem demokrasi di sesebuah negara yang merdeka. Pilihan Raya Umum Malaysia yang diadakan setiap 5 tahun menjadi penentu siapakah yang layak menerajui kepimpinan negara. Buku ini adalah rangkuman kepada pengalaman politik dan perjalanan pilihan raya di negeri Terengganu sejak tahun 1959 sehingga 2013. Beberapa tema diberi perhatian melalui buku ini seperti kepimpinan, keagamaan, pembangunan serta pengaruh kerajaan pusat kepada negeri. Isu dan konflik politik turut dipaparkan bagi memberi gambaran lebih jelas perjalanan politik di negeri Terengganu.